

06 OCT 2002
MAHATHIR-SPEKULASI
SELAMATKAN PERNIAGAAN SEBENAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Malaysia hari ini membidas kuasa-kuasa barat kerana menyalahurus perdagangan dunia melalui spekulasi dan manipulasi melampau dan menyebabkan ekonomi dunia menjadi kucar-kacir.

Untuk memperbetulkan keadaan, Datuk Seri Dr Mahathir menyeru negara-negara Asia supaya bergabung untuk menyelamatkan perniagaan sebenar dengan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan.

Perdana Menteri berkata bahawa jika ekonomi Asia mahu dipulihkan, ia harus mencari penyelesaian tertentu sendiri tidak sebaliknya dengan membuta tuli mematuhi dasar-dasar Barat dan insittusi-institusi yang memperkayakan mereka dengan menjejaskan Asia.

Berucap kepada kira-kira 800 peserta Forum Ekonomi Dunia - Sidang Kemuncak Ekonimi Asia Timur, beliau menuduh Barat meletakkan kepentingan utama kepada membuat "wang semalaman" dan membelakangkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

Di dalam ucapannya bertajuk "Memperbaharui Asas-asas Pertumbuhan Asia: Membangun di atas Kepelbagaian," beliau juga menyelar Barat kerana kecuaiian dan sikap memetingkan diri mereka yang telah menyebabkan dunia menghidap penyakit ekonomi.

Yang tamak telah menguasai ekonomi dunia.

Oleh itu, "hentikan bersyarah kepada orang lain, bukan semuanya yang datang dari Barat adalah unggul dan kebenaran yang dianugerah Allah, kata Dr Mahathir.

"Berapa kali ideologi-ideologi dan formula-formula mereka telah gagal? Berapa kali mereka telah menolak ideologi-ideologi dan formula-formula mereka sendiri untuk menggantikannya dengan formula lain yang unggul dan tidak boleh silap. Gantian-gantian itu akan sekali lagi gagal," katanya.

Dr Mahathir menggesa institusi-institusi kewangan barat yang tamak yang tidak mempedulikan kerosakan yang lakukan oleh orang yang bertindak menggunakan perniagaan sebenar dan "kembali kepada merancang semula."

"Hentikan perjudian ke atas pasaran-pasaran saham dan matawang (dan) gunakan bursa saham sebagai tempat mengumpul modal, bukan membuat keuntungan cepat," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Hentikan memeriksa kasut beratus-ratus juta untuk mencari beberapa ratus pegganas tetapi sebaliknya cari sebab-sebab yang mendesak orang, orang berkeluarga biasa, menjadi pengebom berani mati."

Katanya penduduk Asia patut membantu dan mesti menjadikan suara mereka didengar dalam perjuangan mengembalikan kepada keadaan siuman di dunia yang menjadi gila kerana bernafsu untuk membuat wang cepat.

Asia patut berjuang terhadap mereka yang telah membentuk ekonomi dan kewangan dunia melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), yang tidak lain daripada "satu ramuan bagi penindasan dunia oleh segelintir orang yang tamak."

"Mereka akan menghancurkan dunia kerana beberapa ribu juta dolar di dalam saku," kata Dr Mahathir.

Katanya bahawa Asia harus bersikap pragmatik (dan) sanggup mengeneipkan ideologi-ideologi dengan mementingkan hasil bagi ketamadunan Asia dan terus hidup lebih lama daripada tamadun-tamadun lain.

"Kita mestilah cukup berani melakukan dengan cara kita sendiri. Jika mereka ikut, baguslah. Jika tidak, bagus juga," kata Dr Mahathir.

Beliau juga membidas perbadanan-perbadanan besar kerana menipu

juru-jutu audit kerana apa yang disifatkan beliau sebagai "putar belit mereka.'

"Kadang-kadang, dan kadang-kadang sahana putra belit itu diketahui. Kemudian kroni-kroni mereka di dalam kerajaan yang mungkin juga telah melabur akan menyelamatkan mereka."

"Apabila ini tidak boleh dibuat, undang-undang nampaknya dikenakan. Tetapi undang-undang itu bodoh dan ia tidak bergerak pantas (dan) begitu banyak orang menikmati kehidupan yang mewah," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Barat menangani isu keganasan dengan cara yang salah, di mana setahun selepas 11 Sept, keadaan adakah memang sebenarnya lebih buruk daripada sejenak selepas peristiwa itu.

Bukan sahaja orang takut terbang dan mengembara, tetapi mengembara dijadikan lebih susah dengan sengkajakan oleh pemeriksaan keselamatan.

Kebimbangana itu dan reaksi berikutnya menjejaskan ekonomi-ekonomi, menjadikan ekonomi dunia yang telahpun merosot terus menguncup, kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MR FR/SHY OS